



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	9/10/2019	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Nak elak operasi berlanggar pulak



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa lori mencurigakan yang membawa muatan balak.

Rompin: Cubaan seorang pemandu lori muatan kayu balak melarikan diri selepas mendapat maklumat mengenai operasi peme-

riksaan dilakukan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) terbantut apabila kenderaan beratnya terbit kemalangan di kawasan

Rehat dan Rawat (R&R) Muadzam Shah di sini, malam semalam.

Kejadian jam 9.25 malam itu membuatkan pe-

mandu lori berusia 35 tahun itu terpaksa berunding dengan pemandu lori kayu getah yang dilanggarnya ketika mengundurkan kenderaan berat itu.

Pengarah JPNP, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, pemandu lori sebelum itu meletakkan kenderaannya di kawasan tempat letak kereta R&R itu sebelum bergegas beredar selepas mendapat maklumat mengenai Operasi Semakan Transit dan Rondaan Jalan Raya oleh Unit Penguatkuasa JPNP.

Katanya, ketika mengundurkan kenderaan dalam keadaan laju, dia terlanggar lori di belakangnya sebelum kedua-duanya bertelagah hingga memaksa anggota JPNP yang kebetulan tiba campur tangan.

"Pemeriksaan terhadap lori berkenaan mendapati sebanyak 52 balak pelbagai spesies dipercayai dicuri dari Hutan Simpan Ibam cuba dipindahkan," katanya.